



Muez (tiga dari kiri) dan Zainal Abidin (dua dari kiri) bersama Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat dan Strategi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Farid Ahmad (kiri) dan Pengurus Besar Reed Panorama Exhibitions, Steven Chwee (kanan) merasmikan pavilion Malaysia di Ekspo Francais dan Pelesenan Indonesia (FLEI) 2019 di Jakarta, hari ini. - NSTP/Saifullizan Tamadi

Sasar 700 outlet, 40 jenama francais Malaysia di Indonesia tahun depan

Daripada Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

JAKARTA: Kerajaan menasarakkan untuk meningkatkan jumlah outlet francais Malaysia di Indonesia kepada sekurang-kurangnya 700 outlet menjelang tahun depan, berbanding 670 outlet ketika ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz, berkata pihaknya juga mahu meningkatkan jumlah jenama francais Malaysia di republik ini daripada 31 kepada 40 jenama dalam tempoh itu.

"Indonesia memiliki pasaran ekonomi yang besar di rantau ini dan semakin berkembang pesat. Jadi kita perlu ambil peluang ini untuk mengembangkan perniagaan francais Malaysia di sini.

' "Saya yakin ada permintaan untuk peniaga kita bertapak di sini berdasarkan jumlah penduduk Indonesia yang sangat ramai, dan KPDNHEP akan membantu dengan terus menyertai ekspo seperti ini.

"Saya juga sudah berbincang dan cadangkan supaya Kedutaan Malaysia di Indonesia mempromosi produk Malaysia, khususnya makanan dan minuman, pada program anjuran kedutaan terutama yang dihadiri diplomat asing," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pavilion Malaysia di Ekspo Francais dan Pelesenan Indonesia (FLEI) 2019 di sini, hari ini.

Turut hadir, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Zainal Abidin Bakar.

Muez hadir berada di sini bagi mempromosi jenama francais Malaysia dan menjalin kerjasama strategik antara kedua-dua negara, bersama 11 syarikat francais Malaysia yang menyertai FLEI 2019, bermula hari ini hingga Ahad.

Mengulas cadangan Muez, Zainal Abidin bersetuju dan sedia menggerakkan usaha membantu mempromosi produk perniagaan Malaysia dalam pelbagai acara pada masa depan.

"Saya menyokong cadangan itu. Mungkin kita akan bawa francais Malaysia dalam acara yang membabitkan Kedutaan Malaysia selepas ini, supaya mereka dapat mempromosi produk masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Muez mengetuai pertemuan antara wakil syarikat francais Malaysia dengan wakil Kamar Dagang dan Industri Indonesia (KADIN) di Pusat Konvensyen Jakarta, bagi menjalinkan hubungan antara peniaga kedua-dua negara.

Muez berkata, pertemuan hampir dua jam itu bagi mengukuhkan kerjasama peniaga kedua-dua negara, selain memberi lebih kefahaman mengenai undang-undang dan peraturan perniagaan francais di Indonesia dan Malaysia.

"KADIN juga sedia membantu memudahkan perniagaan francais Malaysia di Indonesia, selain meminta peniaga kita supaya tidak hanya tertumpu di Jakarta, sebaliknya turut ke Bandung, Jogjakarta, Surabaya dan Sumatera yang penggunanya memiliki kuasa beli tinggi, selain kos perniagaan lebih murah," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Nasional Pelesenan Francais dan Perkongsian KADIN, Levita Supit, berkata pihaknya sedia bekerjasama dan menyokong mengembangkan francais antara Indonesia dan Malaysia.

"KADIN akan membantu memberi maklumat terkini tentang perkembangan Indonesia supaya francais Malaysia bisa tahu apa yang perlu dilakukan di saat mahu masuk ke Indonesia.

"Kami juga berharap hasil kerjasama ini, semakin banyak francais Indonesia masuk ke Malaysia dengan sokongan KPDNHEP," katanya.